

Media : Utusan Malaysia
Title : The Atmosphere Jangka Pulangan Pelaburan 25 Peratus
Date : 22 September 2010
Page : 21
Size : 16.3x17.7



The Atmosphere jangka pulangan pelaburan 25 peratus

KUALA LUMPUR 21 Sept. – Ekskons Corporation Bhd. dan Tempo Properties Sdn. Bhd. (Tempo Properties) menjangka projek pusat komersial, The Atmosphere mampu mencatatkan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 25 peratus menerusi penjualan pembangunan hartanah itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Tempo Properties, Khoo Boo Hian berkata, setakat ini hampir 90 peratus daripada 500 buah lot kedai untuk fasa kedua pusat komersial berkenaan telah terjual.

Menurutnya, The Atmosphere mendapat sambutan daripada pelabur kerana menawarkan banyak kemudahan menarik selain lokasi-

nya yang strategik, menghubungkan melalui tiga lebuh raya utama.

“Fasa satu yang menempatkan pasar raya besar Giant akan mula beroperasi pada bulan depan dan manakala fasa kedua melibatkan pelaburan sebanyak RM280 juta akan beroperasi secara berperingkat bermula awal tahun depan.

“Kami menjangkakan pulangan pelaburan antara 20 hingga 25 peratus dalam jangka masa tiga hingga empat tahun bermula tahun hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penganugerahan Sijil BCA Green Mark kepada The Atmosphere kerana meng-

guna pakai teknologi hijau dalam operasinya.

Pusat Komersial The Atmosphere menempatkan 500 buah lot kedai, ruang pejabat dan 1,000 ruang letak kereta termasuk ruang khas untuk kereta hibrid.

Kata Boo Hian, sebanyak RM2 juta telah dilaburkan untuk membangunkan teknologi hijau dalam fasa dua The Atmosphere menerusi perunding teknologi hijau GreenA.

Berdasarkan pelaburan tersebut The Atmosphere dijangka mampu menjimatkan hampir 30 peratus penggunaan elektrik, 98 peratus penggunaan air dan beberapa penjimatan lain.